



POLEMIK KEDUDUKAN ZAKIR NAIK

PKR akan buat pendirian rasmi

Keluarkan kenyataan selepas Anwar pulang dari Makkah

NURUL RIDUAN NOR ASHAHA

KUALA LUMPUR

PKR akan menyatakan pendirian berhubung kontroversi melibat-

kan penceramah dari India, Dr Zakir Naik selepas ke-pulangan Presidennya, Datuk Seri Anwar Ibrahim dari Makkah.

Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, satu mesyuarat akan dibuat berhubung isu berkenaan.

"Kita akan tunggu beliau balik. Hanya selepas itu kita akan membuat pendirian rasmi," katanya semalam.

Kelmarin, beberapa menteri daripada Pakatan Harapan (PH) mahu Zakir diusir dari Malaysia selepas



SAIFUDDIN NASUTION

kontroversi ucapannya melibatkan masyarakat India dan Cina dalam programnya di Kota Bharu 9 Ogos lalu.